

**PRU-13: Rasmi - Keputusan penuh, BN menang 133 kerusi Parlimen, pakatan 89  
Utusan Online  
06 May, 2013**

KUALA LUMPUR 6 Mei - Keputusan penuh Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) menyaksikan Barisan Nasional (BN) memenangi 133 kerusi Parlimen manakala pakatan pembangkang mendapat 89 kerusi.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah mengumumkan bahawa BN berjaya membentuk kerajaan di peringkat Persekutuan dengan majoriti mudah apabila memenangi kerusi ke-112 pada pukul 11.50 tengah malam tadi.

Ia berdasarkan laporan keputusan rasmi SPR yang disiarkan menerusi laman web [resultpru13.spr.gov.my/module/keputusan/paparan/5\\_KerusiDR.php](http://resultpru13.spr.gov.my/module/keputusan/paparan/5_KerusiDR.php). - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan\\_Raya/20130506/px\\_56/PRU-13-Rasmi---Keputusan-penuh-BN-menang-133-kerusi-Parlimen-pakatan-89#ixzz2ZnhhU1kz](http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130506/px_56/PRU-13-Rasmi---Keputusan-penuh-BN-menang-133-kerusi-Parlimen-pakatan-89#ixzz2ZnhhU1kz)